

05 FEB 2000

Mahathir-Politik

UMNO TERUS BERUSAHA SATUKAN ORANG MELAYU, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 Feb (Bernama) -- UMNO akan meneruskan usahanya untuk menyatupadukan orang Melayu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata: "Kita akan usahakan...mereka akan mendapat penerangan yang secukupnya."

"Mereka akan bersatu padu semula," kata beliau ketika ditemui pemberita pada majlis rumah terbuka Tahun Baru Cina MCA di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang juga presiden UMNO, berkata UMNO sedang mengumpul data dan bukti mengenai "fatwa" yang dibuat Pas yang dikatakan menyimpang daripada akidah untuk tindakan lanjut.

"Kita akan buktikan...kita sedang mendapatkan maklumat," kata beliau ketika mengulas kenyataan Pas baru-baru ini supaya membuktikan parti pembangkang itu ada mengeluarkan "fatwa" yang menyimpang daripada akidah.

Mengenai kod etika untuk pemilihan parti Mei ini, Dr Mahathir berkata: "Yang kita tidak mahu adalah salah guna wang dan sebagainya."

Ditanya mengenai keraguan terhadap kod berkenaan, beliau berkata tiap-tiap kod etika ada kelemahannya tetapi garis panduan yang ternyata perlu dipatuhi.

Ahli-ahli UMNO yang bertanding pada pemilihan parti Mei ini perlu mematuhi kod etika yang diluluskan majlis tertinggi, kata beliau.

-- BERNAMA

GM AKD